



PENYANYI keturunan Lubnan, Imad menunjukkan seni khat kepada Sapawi turut disaksikan Mohd Noh Dalimin.

Keindahan seni Islam perlu dihayati sepenuhnya: Musa

OLEH KAMARRUDIN LIUSIN

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Datuk Musa Haji Aman berkata, keindahan seni Islam seharusnya dihayati sepenuhnya kerana hari ini Islam sering dikaitkan dengan isu keganasan, kemuduran dan ketidakstabilan.

Katanya, menjadi tanggungjawab kita untuk menunjukkan kepada masyarakat dunia supaya mempertahankan kesucian agama Islam dan menegakkan syiar Islam dengan cara yang baik iaitu membuktikan bahawa umat Islam sememangnya bukan pengganas, mundur dan lemah sebagaimana yang disangka.

"Malah Islam merupakan agama yang cukup sempurna," katanya ketika merasmikan Festival Kesenian Islam 2003 peringkat kebangsaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Kuliah Pusat I UMS, kelmarin.

Teks ucapannya dibacakan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Sapawi Haji Ahmad.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS, Prof Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin.

Musa berkata, ada yang berpendapat bidang kesenian Islam sebenarnya, ia tidak ada hubun-

gan dengan Islam sebaliknya merupakan urusan luar dari Islam.

Menurutnya, menerima pendapat sedemikian bererti menentang dan menafikan tabii alam dan fitrah diri manusia sendiri.

"Perasaan seni yang tumbuh dalam diri manusia merupakan anugerah tabii dari Allah yang amat berharga, dilihat dari segi tabii kewujudan seluruh alam merupakan ciptaan seni yang Maha Agung.

Beliau berkata, tema sambutan Festival Kesenian Islam 2003, 'Bersama Menghayati Keindahan Seni Islam' seharusnya dihayati sepenuhnya.

Musa berkata, hasil kesenian adalah sebuah hasil yang bukan sahaja dari pantulan objek luaran dan penyalinan, tetapi sebuah adunan yang organik yang terdiri dari pengalaman, keyakinan, sudut pandangan, keilmuan, pendidikan dan lain-lain.

Sehubungan itu, sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ini, Musa mengajak semua lapisan masyarakat Islam bersama-sama menanamkan semangat cintakan negara di samping menghayati keindahan seni Islam serta memupuk semangat keazaman serta nilai dan kebolehan diri menjadi seorang Islam yang kuat.